

Info SUKAN

UniMAP TUAN RUMAH KEJOHAHAN SUKAN STAF ANTARA UNIVERSITI MALAYSIA KE 32

Tanggal 16 - 23 Jun 2008 UniMAP telah menjadi Tuan Rumah kepada Kejohanan Sukan Staf Antara Universiti Malaysia (KSSAUM) ke-32. Kejohanan ini menghimpunkan hampir 6000 orang atlet dan pegawai dan merupakan penyertaan terbanyak sepanjang kejohanan ini dilangsungkan dengan penglibatan 20 Kontinjen iaitu 19 IPTA dan Kementerian Pengajian Tinggi. Majlis perasmian diadakan dengan penuh gilang gemilang dan berwarna-warni yang disempurnakan oleh Pemangku Raja Perlis yang juga Canselor UniMAP, DYMM Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail di Stadium Utama Kangar pada 18 Jun 2008 lalu. Dengan di saksikan 6000 penonton, temasya tahunan itu dimeriahkan lagi dengan pancaran laser, pertunjukan bunga api dan nyalaan obor kejohanan sebaik ia dibuka secara rasmi. Turut hadir menyaksikan majlis perasmian itu ialah Raja Puan Muda Perlis, DYTM Tuanku Hajjah Lailatul Shahreen Akashah Khalil, Menteri Besar Perlis, Dato' Seri Dr. Shahidan Kassim, Speaker Dewan Undangan Negeri Perlis, Naib-Naib Canselor dan Timbalan-Timbalan Naib Canselor IPTA Seluruh Malaysia. Majlis perasmian dimulakan dengan perarakan masuk Pemangku Raja Perlis yang diiringi oleh penunggang motosikal kuasa tinggi dari Persatuan Gabungan Superbike Malaysia (SAM) ke dalam stadium. Ini diikuti dengan penyerahan bendera kejohanan oleh wakil SAM kepada Pemangku Raja Perlis. Kemuncak kepada majlis perasmian itu adalah perarakan masuk bendera

kejohanan. Ia kemudian diikuti dengan upacara menaikkan bendera yang diiringi lagu kejohanan sukan staf dan bacaan ikrar yang diketuai oleh Prof. Madya Dr Zul Azhar Zahid Jamal merangkap ketua kontinjen UniMAP. Tuan rumah muncul johan bagi kategori perarakan terbaik dan menerima piala pusingan YB Datuk Dr. Adham Baba Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

Sebanyak 25 acara sukan dipertandingkan termasuk Olahraga, Bola Sepak, Futsal, Badminton, Catur, Dart dan sebagainya. Pada 16-17 Jun, telah berlangsung Kejohanan Olahraga sempena KSSAUM dan majlis perasmianya telah disempurnakan oleh YAB Menteri Besar Perlis Dato' Seri Dr. Shahidan Kassim pada 16 Jun 2008 lalu di Stadium Utama Kangar. Universiti Kebangsaan Malaysia menjadi johan keseluruhan berdasarkan pungutan pingat emas dan UniMAP menjadi Naib Johan.

Pada keseluruhannya pasukan UniMAP tidak boleh dipinggirkan kerana banyak merangkul kejayaan menarik antaranya Naib Johan Futsal Wanita, Bola Tampar Wanita, Bola Sepak Senior dan Veteran, dan menjadi Johan Bola Tampar Lelaki. Kebanyakan pasukan UniMAP yang bertanding melepas pusingan suku akhir.

Pada 22 Jun 2007 bertempat di Dewan 2020, Kangar, Majlis Perasmian Penutup Kejohanan Sukan Staf Antara Universiti ke-32 telah diadakan dengan jayanya. Pada malam itu juga diumumkan bahawa Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) akan menjadi tuan rumah untuk edisi seterusnya yang diumumkan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Universiti Malaysia Perlis, Prof Dr. Ali Yeon Md Shakaff. Kontinjen Universiti Teknologi MARA (UiTM) telah muncul sebagai juara kejohanan sukan pada tahun ini dengan pungutan pingat 8 emas, 1 perak dan 1 gangsa. Manakala tuan rumah, UniMAP pula di tempat ketiga dengan kutipan 4 emas, 6 perak dan 1 gangsa. Di dalam majlis tersebut juga turut diadakan upacara penyerahan bendera kejohanan sukan staf kepada UNIMAS selaku tuan rumah kejohanan tersebut bagi kali ke-33.

